

Artikel

Persepsi Masyarakat Tempatan Terhadap Isu Buruh Asing dari Aspek Keselamatan: Kajian Kes di Pulau Pinang

(Local Community Perceptions of Foreign Labor Issues from a Security Aspect: A Case Study in Penang)

Afira Shafarina Mohamed Shafari¹, Fatin Umaira Muhamad Azian^{1*}, Rosmiza Mohd Zainol¹ & Norsafiah Norazman²

¹Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

²Building Surveying Department, School of Housing, Building and Planning, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Penang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: fatin.umaira@ukm.edu.my

Diserah: 21 September 2024

Diterima: 21 November 2024

Abstrak: Dalam meniti arus pemodenan, perkembangan dalam pembangunan amat dititikberatkan dari pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial, politik dan juga persekitaran. Kepesatan ekonomi yang berlaku memberi pelbagai peluang pekerjaan bukan sahaja kepada rakyat tempatan tetapi juga warga asing. Situasi ini mendorong ramai warga asing berhijrah dari negara asal untuk bekerja bagi memperoleh pendapatan yang lebih lumayan. Peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam negara Malaysia telah menyebabkan pelbagai masalah timbul dari aspek sosial khususnya aspek keselamatan. Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi rakyat tempatan terhadap isu warga asing dari aspek keselamatan serta membincangkan tindakan pihak yang terlibat dalam membanteras masalah yang berpunca daripada warga asing. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 150 orang responden yang merupakan penduduk tempatan Pulau Pinang. Hal ini dikatakan kerana, Pulau Pinang sangat sesuai untuk dijadikan sebagai kawasan kajian lebih-lebih lagi apabila ia merupakan antara negeri perindustrian yang banyak menawarkan peluang pekerjaan. Bagi kajian ini, data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for The Social Sciences (SPSS). Kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa hampir keseluruhan penduduk Pulau Pinang bersetuju bahawa kemasukan warga asing secara berlebihan akan memberi kesan yang negatif kepada keselamatan rakyat. Oleh hal yang demikian, pelbagai pihak perlu berganding bahu dalam membantu meminimumkan masalah yang dihadapi oleh penduduk tempatan mengenai isu warga asing yang mengancam keselamatan mereka.

Kata kunci: Keselamatan; buruh asing; persepsi; penduduk tempatan; tindakan

Abstract: In following the trend of modernization, developments in development are emphasized from various aspects including economic, social, political, and the environment. The economic boom that is taking place provides various job opportunities not only for local people but also for foreigners. This situation prompts many foreigners to migrate from their country of origin to work to earn a better income. The increase in the number of illegal immigrants (PATI) in Malaysia has caused various problems from the social aspect, especially the security aspect. Therefore, this study was conducted to identify the local people's perception of the issue of foreigners from the security aspect as well as discuss the actions of the parties involved in combating problems caused by foreigners. To achieve the objectives of this study, the researcher has used a

quantitative method by distributing questionnaires to 150 respondents who are residents of Penang. This is said because, Penang is very suitable to be used as a study area, especially when it is one of the industrial states that offer many job opportunities. For this study, the data collected was analysed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software. This study found that almost the entire population of Penang agreed that the excessive influx of foreigners would have a negative impact on the people's safety. Therefore, various parties need to join hands in helping to minimize the problems faced by residents regarding the issue of foreigners who threaten their safety.

Keywords: Security; foreign labour; perception; local population; action

Pengenalan

Seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin hari semakin canggih, perkembangan dalam pembangunan tidak seharusnya diabaikan lebih-lebih dari aspek ekonomi yang merupakan tunjang utama sesebuah negara. Menurut Morshidi (2017), globalisasi yang berlaku ini telah mewujudkan sebuah fenomena buruh asing yang telah memberi impak yang berbeza-beza bukan sahaja terhadap pembangunan negara malah turut memberi kesan ke atas kesejahteraan hidup masyarakat di kawasan tersebut. Malaysia yang merupakan negara membangun perlu mengukuhkan ekonomi negara yang menjadi penggerak utama kepada pembangunan negara. Oleh itu, kerajaan juga telah melaksanakan beberapa dasar sebagai strategi terhadap pembangunan negara untuk mengukur pertumbuhan ekonomi yang melibatkan pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan dan pertambahan infrastruktur. Menurut Mahanum (2021), kepercayaan dan keyakinan terhadap pelaksanaan dasar-dasar kerajaan ini akan dapat membantu memulihkan ekonomi negara. Aspek-aspek ini melibatkan usaha dari pelbagai sektor dan memerlukan tenaga buruh yang mencukupi bagi mewujudkan pembangunan negara yang baik. Antara strategi yang dibentuk oleh kerajaan adalah dengan mengambil tenaga buruh asing untuk memenuhi keperluan tenaga buruh bagi beberapa sektor ekonomi termasuk sektor perladangan di Malaysia (Johari, 2024).

Pekerja asing atau dalam kata lain pekerja yang bukan berasal daripada Malaysia merupakan seseorang yang meninggalkan negaranya untuk berkhidmat di negara lain sebagai seorang pekerja (CH Hassan, 2009). Hal ini disebabkan oleh buruh tempatan kebanyakannya kurang berminat untuk mengisi kekosongan pekerjaan tersebut dan akhirnya terpaksa dipenuhi oleh pekerja buruh asing. Menurut Ainul Asniera (2021), kebanyakan buruh asing ini terdiri daripada rakyat dari-negara-Indonesia, Bangladesh, Nepal dan Myanmar. Kekurangan buruh menyebabkan pengambilan buruh asing di negara-negara sumber seperti yang disenaraikan terpaksa dilaksanakan sehingga berlakunya kebanjiran buruh asing di Malaysia sehingga telah memberi kesan yang mendalam kepada negara dan juga kesejahteraan hidup rakyat tidak kira dari segi ekonomi, sosial mahupun persekitaran (Abdul Aziz & Saad, 2022).

Walau bagaimanapun, menurut Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan (2022), pengambilan buruh asing ini perlu diambil kira terlebih dahulu kerana ia boleh mendorong kepada impak negatif kepada negara. Secara umumnya, apabila negara banyak bergantung kepada warga asing maka akan berlakunya lambakan warga asing lebih-lebih lagi jika pengambilan buruh asing tidak dikawal. Hal ini akan memberi kesan negatif bukan sahaja kepada aspek ekonomi juga dari aspek sosial seperti keselamatan. Menurut Majlis Keselamatan Negara (2022), dari sudut ekonomi, lambakan warga asing akan menjadi punca kepada peningkatan kadar pengangguran kepada rakyat tempatan, terutamanya apabila majikan gemar mengupah buruh asing berbanding buruh tempatan kerana upah yang dikenakan terhadap buruh asing lebih rendah berbanding buruh tempatan. Selain itu, warga asing yang menetap di negara ini juga akan meningkatkan pengaliran wang ke luar negara kerana nilai mata wang Malaysia lebih besar berbanding nilai mata wang negara mereka. Jika keadaan ini berterusan, pengaliran wang ke luar negara yang berlebihan dan tanpa kawalan juga turut memberi impak kepada peningkatan ekonomi negara.

Dari aspek sosial iaitu keselamatan, warga asing telah meninggalkan kesan seperti peningkatan kadar jenayah yang mengganggu ketenteraman dan menggugat keselamatan warga tempatan (Qurratul, 2023). Sesetengah warga asing terdiri daripada PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) yang tidak mempunyai permit, menyukarkan mereka untuk mendapatkan sembarang pekerjaan. Hal ini telah mendorong mereka untuk

melakukan kegiatan jenayah demi meneruskan kelangsungan hidup. Selain itu, buruh asing juga memberi kesan kepada tahap kesihatan dalam kalangan warga tempatan. Seperti yang diketahui, kebanyakan buruh asing datang dari negara yang mundur dengan tahap kesihatan yang rendah dan kurangnya kawalan terhadap penyakit berjangkit (Hui & Chin, 2022). Oleh itu, potensi penyakit berjangkit dari warga asing untuk merebak kepada warga tempatan juga tinggi jika tiada pengawalan dan penapisan dari pihak berkuasa.

Jelaslah bahawa walaupun kemasukan warga asing dalam pembangunan memberi impak positif kepada pembangunan negara namun impak negatif yang berpunca daripada warga asing ini juga tidak boleh dipandang remeh hanya disebabkan mereka membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Tambahan pula, jika dilihat melalui aspek sosial buruh asing telah memberi impak yang besar kepada rakyat tempatan dari sudut keselamatan. Hal ini telah menggugat keselamatan dan ketenteraman penduduk tempatan. Oleh itu, kemasukan buruh asing perlu dikawal sebaiknya oleh pihak bertanggungjawab bagi mengelakkan sebarang risiko yang boleh menjejaskan keselamatan penduduk tempatan.

Sorotan Literatur

1. Warga Asing

Menurut Che Hashim (2009), warga asing atau sering dikenali sebagai buruh asing di Malaysia merupakan pekerja yang berasal dari luar negara yang datang untuk bekerja di Malaysia bagi tempoh masa tertentu. Kemasukan warga asing yang meningkat adalah disebabkan oleh adanya peluang pekerjaan yang luas di seluruh Malaysia. Selain itu, menurut Kadir (2016), warga asing adalah kehadiran sekelompok manusia dari sesebuah negara ke negara lain untuk tujuan tertentu dan salah satunya adalah untuk mencari pekerjaan. Hal ini dikatakan kerana, kebanyakan warga asing yang masuk ke Malaysia merupakan penduduk dari Indonesia, Filipina, Bangladesh, Vietnam dan juga Myanmar. Di samping itu, Najla (2015) mengatakan bahawa kedatangan warga asing ini dapat dibahagikan kepada dua kelompok iaitu:

- i. Pendatang asing yang sah - Pendatang asing yang sah merupakan individu yang telah mendapat keizinan/permit dari negara yang ingin didiami berdasarkan Akta dan Peraturan yang telah ditetapkan oleh negara tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa, pendatang asing secara sah ini telah mendapat kelulusan dari segi permit dan juga visa untuk masuk ke dalam negara setelah di semak oleh Jabatan Imigresen Malaysia.
- ii. Pendatang asing tanpa izin (PATI) - Pendatang asing tanpa izin atau dalam kata lain PATI ini merupakan individu yang tidak mendapat keizinan daripada pihak berkuasa negara tersebut menyebabkan mereka akan masuk secara senyap-senyap dan haram. Hal ini dikatakan kerana, PATI ini merupakan individu yang masuk dan keluar dari Malaysia dengan menggunakan jalan yang tidak diwartakan tanpa menggunakan pas mahupun permit yang sah.

Selain daripada itu, menurut Jabatan Imigresen Malaysia (2021), PATI bermaksud warga asing yang menyalahi Akta Imigresen seksyen 5,6,8,9 dan 15 atau Peraturan-peraturan Imigresen yang lain. Hal ini dikatakan kerana, PATI merupakan individu yang tinggal di Malaysia tanpa permit yang sah atau yang telah dibatalkan oleh Ketua Pengarah Imigresen. Hal ini dikatakan bahawa hampir kesemua pendatang asing yang masuk ke dalam negara ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mencari pekerjaan menyebabkan mereka cuba masuk ke dalam negara walaupun kemasukan mereka secara sah tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa. Oleh hal itu, berlakunya kemasukan warga asing secara haram yang secara tidak langsung akan memberi kesan kepada kawasan tersebut daripada pelbagai aspek khususnya keselamatan.

Berdasarkan Maizatul Azian (2018), telah menyatakan bahawa Malaysia berusaha untuk terus membangun dimana ianya sangat penting memerlukan pekerja asing dalam pembangunan ekonomi tetapi, Malaysia tidak terlepas daripada isu pendatang asing sepertimana yang terjadi di negeri Sabah sejak tahun 1990 an. Hal ini dikatakan demikian kerana, berpunca daripada desakan keperluan tenaga buruh di Malaysia terutamanya negeri Sabah dimana ianya mendapat perhatian dalam kalangan buruh asing untuk menyertai dalam sektor pembangunan di Sabah. Seterusnya, menurut Zawiyah (2019), terdapat empat dilema yang dihadapi oleh majikan mengenai isu menggaji seseorang pekerja. Antaranya seperti isu komitmen. Hal ini dikatakan demikian kerana komitmen yang tinggi diberikan oleh seseorang pekerja amat penting dalam menghasilkan kualiti terbaik terhadap sesuatu tugas disamping menjadi pendorong kepada kejayaan bagi

sesebuah syarikat. Intihannya, komitmen tersebut hanya sekadar kriteria atau syarat yang diperlukan sekiranya ingin bekerja dalam sektor pekerjaan tersebut. Menurut Zuhainy (2021), Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai kemasukan buruh asing yang agak ramai sehingga perlu membina asrama di kampung tradisi Teluk Kumbar untuk dijadikan sebagai tempat tinggal bagi hampir 50,000 orang pekerja asing. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri Pulau Pinang lebih mengutamakan pekerjaan kepada kepada warga asing berbanding dengan penduduk tempatan. Ketidakadilan yang berlaku ini telah menyebabkan timbulnya beberapa isu ketidakpuasan hati penduduk tempatan terhadap kerajaan negeri sehingga mereka melakukan mogok di kampung tersebut untuk menghalang pihak kerajaan daripada meneruskan pembinaan projek asrama itu kepada warga asing kerana pembinaan yang bakal dilakukan itu akan menarik lebih ramai pekerja asing untuk menetap di Pulau Pinang. Hal ini akan membawa kemudaratan kepada penduduk tempatan di sekitar Pulau Pinang sekiranya kemasukan warga asing di negeri tersebut tidak diatasi.

2. Persepsi terhadap Warga Asing

Menurut Mohd Zamzuri (2018), tenaga buruh merupakan aset kepada negara dalam menjayakan projek-projek pembangunan dan meningkatkan ekonomi negara. Terdapat kajian menunjukkan penduduk tempatan beranggapan bahawa gaji yang ditawarkan oleh majikan dalam sektor pekerjaan 3D (*dirty, dangerous, difficult*) adalah rendah dan tidak setimpal dengan hasil kerja yang dilakukan (Nurina Awanis, 2019). Penawaran gaji yang rendah telah menyukarkan majikan untuk mendapat pekerja yang mahir. Hal ini menyebabkan majikan mula beralih daripada menggunakan tenaga kerja tempatan kepada tenaga warga asing kerana gaji yang lebih rendah boleh ditawarkan. Maka, wujudnya jurang perbezaan antara isu menggaji oleh majikan pekerja tempatan dan pekerja asing. Hal ini secara tidak langsung telah meningkatkan permintaan bilangan warga asing yang masuk ke dalam negara bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ada. Selain itu, masyarakat tempatan berpendapat bahawa pekerjaan yang ingin dilakukan oleh mereka mestilah setaraf dengan tahap pendidikan yang mereka perolehi. Hal ini menyebabkan, kekosongan pekerjaan yang ada akan diisi oleh pendatang asing.

Selain itu, menurut Nor Fazlina (2021), selain dari faktor gaji yang rendah boleh ditawarkan, majikan lebih gemar untuk memilih pekerja asing berbanding pekerja tempatan atas faktor kerajinan yang ditunjukkan oleh pekerja asing tersebut. Hal ini demikian kerana, warga asing ini dikatakan tidak mempunyai banyak kerehnan sekiranya diarah untuk melakukan pelbagai tugas. Sikap pekerja asing ini menyebabkan majikan sanggup menggunakan orang tengah untuk membawa masuk PATI melalui pangkalan haram dan menanggung bayaran denda kemasukan PATI kerana mereka beranggapan bahawa tindakan tersebut sangat berbaloi walaupun akan dikenakan caj. Situasi ini menyebabkan lambakan warga asing dalam pelbagai sektor di Malaysia. Namun, lambakan warga asing ini juga akan memberi impak kepada kesejahteraan hidup rakyat dari segi keselamatan khususnya apabila ia melibatkan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Aspek Keselamatan

Menurut Za'im et al. (2015), keselamatan boleh didefinisikan sebagai ketiadaan ancaman terhadap sebuah kelompok masyarakat di dalam sesebuah negara. Namun, kemasukan pekerja asing secara tidak terkawal ini telah menjadi salah satu isu yang mengancam pelbagai aspek keselamatan di kawasan tersebut. Selain itu, menurut Pusat Ekonomi Digital (2024), keselamatan ini merujuk kepada sentiasa berada dalam keadaan yang selamat iaitu bebas dari sebarang bahaya, risiko, jenayah, gangguan dan pencerobohan yang akan memberi impak kepada kehidupan penduduk tempatan. Tambahan pula, keselamatan yang terjamin amat penting bagi masyarakat khususnya apabila ia melibatkan warga asing agar kejadian yang tidak diinginkan dapat dielakkan.

Keselamatan Individu

Menurut Ridauddin (2023), walaupun kebanjiran pekerja asing ini dapat membantu memenuhi keperluan tenaga buruh di kawasan tersebut, namun timbulnya pelbagai kes jenayah yang berpunca daripada pekerja asing ini sehingga membahayakan keselamatan penduduk tempatan. Hal ini dikatakan kerana, kes-kes jenayah yang berlaku disebabkan oleh perbuatan segelintir pekerja asing itu telah menimbulkan ketakutan dalam diri individu terutama golongan perempuan yang berjalan atau keluar secara sendirian. Menurut Nafisah Hussin

(2018), jenayah pemerdagangan ini telah meningkatkan lagi pengeksploitasian seksual yang secara tidak langsung telah membahayakan keselamatan individu khususnya bagi golongan wanita. Hal ini dikatakan kerana, golongan wanita sering diperdagangkan bagi tujuan tertentu seperti pelacuran, pusat hiburan, rumah urut dan sebagainya. Menurut Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (2023), jenayah pemerdagangan oleh warga asing telah melanggar Aktar Kerja 1955 dan Larangan Buruh Paksa di bawah pindaan seksyen 90B di mana setiap individu mempunyai hak untuk melakukan sesuatu pekerjaan dan tidak boleh dipaksa oleh mana-mana pihak termasuk majikan. Selain itu, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (2015) menyatakan jenayah pemerdagangan manusia dalam pengeksploitasian seksual merupakan isu yang utama dan tertinggi yang berlaku di Malaysia.

Jadual 1. Bilangan mangsa pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual mengikut Kumpulan umur dan jantina di Malaysia

Kumpulan umur	Lelaki			Perempuan			Jumlah		
	2019	2020	2021	2019	2020	2021	2019	2020	2021
Tahun									
18 tahun ke bawah	-	-	-	54	3	10	54	3	10
18 tahun dan ke atas	-	-	-	1	17	111	1	17	111
Jumlah	-	-	-	55	20	121	55	20	121

Sumber: Kementerian Ekonomi (2022)

Di samping itu, menurut Nik Iman (2023), warga asing banyak menggunakan pengangkutan awam yang ada untuk ke sesuatu tempat menyebabkan berlakunya gangguan seksual terhadap golongan wanita yang menaiki pengangkutan awam seperti bas dan juga kereta api.

Keselamatan Kawasan Kediaman

Dari segi keselamatan kawasan kediaman, terdapat situasi di mana warga asing yang tidak mempunyai tempat tinggal akan cuba untuk menceroboh rumah-rumah kosong yang ada di sesebuah kawasan kediaman (Nurul Hidayah, 2024). Hal ini akan membahayakan penduduk tempatan yang tinggal di kawasan tersebut khususnya keluarga yang merupakan jiran bagi rumah yang diceroboh itu. Selain itu, terdapat juga majikan yang tidak menyediakan rumah yang selesa kepada pekerja warga asing. Situasi ini akan mendorong warga asing untuk menceroboh rumah-rumah kosong atau duduk secara ramai di dalam sebuah rumah. Terdapat juga pembinaan secara haram di kawasan pembinaan dengan ketiadaan kemudahan asas. Perkara ini akan menyebabkan ketidakselesaan dan ancaman kepada warga tempatan. Tambahan pula, sekiranya mereka berani untuk melakukan pencerobohan, ini bermakna mereka juga berani untuk melakukan jenayah lain bagi meneruskan kelangsungan hidup. Oleh hal yang demikian, kedatangan warga asing secara haram dan tidak terkawal ini akan mengancam keselamatan kawasan kediaman yang diduduki oleh penduduk tempatan.

Keselamatan Kesihatan

Menurut Md Nor et al. (2023), kedatangan warga asing ini juga turut memberi kesan kepada tahap kesihatan masyarakat. Menurutnya, kebebasan bergerak oleh warga asing tanpa kawalan majikan akan meningkatkan lagi potensi masalah kesihatan khususnya melalui penyakit berjangkit. Hal ini dikatakan kerana, penyakit berjangkit yang berlaku ini disebabkan oleh pembawaan daripada pekerja asing yang tidak mengambil vaksin seperti tibi, malaria, HIV dan lain-lain. Sistem kawalan yang kurang cekap ini menyebabkan segelintir pekerja asing yang masuk ke dalam negara terlepas daripada pemeriksaan kesihatan.

Menurut Morshidi (2017), kemasukan warga asing akan menyebabkan berlakunya pembinaan rumah setinggan. Hal ini dikatakan kerana, warga asing akan membina rumah secara haram sebagai tempat tinggal dan juga selalu berpindah-randah berdasarkan pekerjaan yang mereka perolehi khususnya dalam sektor pembinaan. Tambahan pula, kawasan setinggan yang dibina oleh warga asing ini tidak teratur dan kekurangan kemudahan asas seperti sistem pembuangan sampah mahupun air kumbahan. Perkara ini akan menyebabkan kawasan tersebut tercemar dan menyumbang kepada ketidakselesaan penduduk di sekitar kawasan tersebut dengan pemandangan dengan bau yang kurang menyenangkan.

Pencemaran yang berlaku misalnya seperti pencemaran air disebabkan oleh pembuangan sampah yang tidak sistematik oleh warga asing ini akan menjejaskan tahap kesihatan penduduk tempatan. Hal ini demikian kerana, sampah sarap yang dibuang ke dalam sistem saluran air seperti sungai akan menggalakkan pembiakan bakteria yang boleh mengancam kesihatan penduduk lebih-lebih lagi apabila mereka menggunakan air yang tercemar itu dalam kehidupan seharian. Kajian lepas juga mendapati seramai 41,607 orang daripada 1.53 juta orang pekerja asing gagal pemeriksaan kesihatan walaupun sebahagiannya telah lulus pemeriksaan kesihatan di negara asal (Mohd Faisal et al., 2022). Hal ini menunjukkan bahawa penularan penyakit berjangkit oleh warga asing ini merupakan salah satu faktor yang dapat mengganggu tahap keselamatan terhadap kesihatan masyarakat.

Tindakan Pelbagai Pihak dalam Mengatasi Isu Warga Asing

Menurut Md Nor et al. (2023), usaha yang bersesuaian perlu dilakukan dari semua peringkat bagi mengatasi kehadiran pekerja asing yang tidak terkawal di Malaysia. Misalnya, pihak kerajaan boleh mengehadkan kemasukan pekerja asing dengan memberi sokongan kepada syarikat-syarikat di Malaysia untuk mengutamakan pengambilan pekerja tempatan berbanding pekerja asing. Hal ini akan membantu mengurangkan keperluan bagi kemasukan pekerja asing ke dalam negara. Selain itu, perkongsian maklumat oleh pihak bukan kerajaan seperti NGO dan juga media dapat membantu membanteras jenayah warga asing dan pemerdagangan manusia (Nurul Huda, 2022). Sebagai contoh, pihak NGO boleh menyediakan rumah perlindungan kepada mangsa-mangsa pemerdagangan sepertimana yang telah dilaksanakan oleh salah sebuah NGO di Pulau Pinang sejak tahun 2017. Bagi membantu mangsa pemerdagangan dilaporkan terdapat 10 buah rumah perlindungan di seluruh negara antaranya lapan rumah perlindungan di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan dua buah rumah perlindungan di bawah seliaan NGO. Hal ini menunjukkan bahawa, pihak bukan kerajaan boleh menyediakan lebih banyak rumah perlindungan di seluruh negara dalam membantu mangsa-mangsa jenayah tersebut.

Menurut Zanariah (2020), pengurangan pengambilan pekerja asing wajar dilakukan dengan pihak majikan perlu memikirkan pendekatan yang terbaik bagi menarik minat penduduk tempatan untuk mengisi kekosongan yang ada. Misalnya, pihak majikan boleh meningkatkan jumlah gaji yang ditawarkan di samping menggunakan teknologi dalam sektor 3D (*dirty, difficult, dangerous*). Tawaran gaji yang tinggi serta penggunaan teknologi seperti mesin ini secara tidak langsung akan menarik minat penduduk tempatan untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh pekerja asing. Menurut Sri Ayu (2023), pihak majikan juga boleh mengutamakan tenaga kerja tempatan sebelum membuka peluang kepada warga asing dengan mengadakan kempen seperti 'Kempen Ambil Pekerja Lokal'. Melalui kempen ini, kebergantungan majikan terhadap pekerja asing dapat dikurangkan. Sehubungan dengan itu, majikan juga boleh bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan. Oleh hal yang demikian, melalui tindakan ini ia dapat mengurangkan kemasukan warga asing ke dalam negara dan menjamin kualiti hidup rakyat.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan tujuan untuk mendapatkan data secara kuantitatif bagi mengenalpasti persepsi rakyat tempatan terhadap isu warga asing dari aspek keselamatan. Edaran soal selidik yang terdiri dari tiga (3) bahagian digunakan dalam proses pengumpulan data. Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada rakyat tempatan di Pulau Pinang. Seramai 150 orang responden terlibat dalam kajian ini dan survei diedarkan secara rawak. Selain itu, kajian rintis telah diedarkan kepada 30 orang responden (Hill, 1998) dengan semua nilai *Cronbach Alpha* yang sangat baik (Bond & Fox 2015). Instrumen kajian ini adalah borang soal selidik yang merangkumi 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A adalah mengenai maklumat responden. Bahagian B adalah mengenai persepsi rakyat tempatan terhadap isu warga asing dalam pembangunan dan Bahagian C adalah mengenai tindakan pihak yang terlibat dalam membanteras masalah yang berpunca daripada warga asing. Pendekatan analisis deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dilaksanakan bagi proses analisis data kajian.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Demografi Responden

Bagi kajian ini, responden adalah terdiri daripada lelaki iaitu sebanyak 58 orang (38.7%) dan responden perempuan sebanyak 92 orang (61.3%). Selain itu, majoriti responden kajian ini terdiri daripada kaum Melayu iaitu sebanyak 134 orang (89.3%), diikuti kaum Cina sebanyak 16 orang (6.7%) dan kaum Cina sebanyak 6 orang (4%). Bagi bilangan responden dari segi umur, pecahan julat atau kumpulan umur yang mencatatkan jumlah tertinggi adalah responden yang berumur antara 21 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 57 orang manakala kumpulan umur yang mencatatkan jumlah yang terendah pula adalah responden yang berumur 60 tahun keatas iaitu sebanyak 5 orang. Majoriti daripada responden berpendapatan sekitar RM1001-RM5000 iaitu tergolong dalam golongan B40 dan M40.

2. Persepsi Rakyat Tempatan Terhadap Isu Keselamatan

Jadual 2 menunjukkan persepsi rakyat tempatan terhadap isu buruh asing dari aspek keselamatan di Pulau Pinang. Berdasarkan jadual di atas, bagi aspek keselamatan diri seramai 79 orang (52.7%) bersetuju dengan pernyataan bahawa kes jenayah oleh warga asing menyebabkan individu berasa trauma, manakala seramai 47 orang (31.3%) sangat bersetuju, 21 orang (14%) tidak pasti, 2 orang (1.3%) tidak setuju dan seorang (0.7%) sangat tidak setuju bagi pernyataan tersebut. Hal ini dikatakan kerana, menurut Muhammad Aminnuraliff (2023), jenayah yang dilakukan oleh warga asing ini juga akan menyebabkan individu mengalami trauma dan juga gangguan emosi. Hal ini dikatakan kerana, kejadian jenayah yang berlaku itu akan menyebabkan individu berasa gelisah dan ia akan membawa kepada tekanan yang serius sehingga mencederakan diri sendiri. Tambahan pula, ada juga warga asing yang mengganggu penduduk tempatan sehingga ke tempat kerja atau dalam kata lain “stalker”. Hal ini menyebabkan individu berasa takut untuk keluar rumah mahupun pergi ke tempat kerja kerana risau akan diganggu atau dcederakan oleh warga asing tersebut.

Selain itu, seramai 71 orang (47.3%) bersetuju dan 43 orang (28.7%) sangat setuju bahawa isu yang disebabkan oleh warga asing ini akan menyebabkan mereka berasa takut untuk keluar rumah seorang diri. Hal ini demikian kerana, menurut Qurratul Aina (2023), walaupun kebanjiran pekerja asing ini dapat membantu memenuhi keperluan tenaga buruh di kawasan tersebut, namun timbulnya pelbagai kes jenayah yang berpunca daripada pekerja asing ini sehingga membahayakan keselamatan penduduk tempatan. Kes-kes jenayah yang berlaku disebabkan oleh perbuatan segelintir pekerja asing itu telah menimbulkan ketakutan dalam diri individu lebih-lebih lagi golongan perempuan yang berjalan atau keluar secara sendirian. Menurut Zuriatunfadzliyah, et.al (2013), kejadian jenayah adalah penyebab utama kepada ketakutan wanita. Hal ini kerana ciri-ciri persekitaran yang terpencil, sunyi, bersemak samun dan kegelapan pada waktu malam, yang menjadi lokasi persembunyian warga asing sering menjadi penyebab kepada berlakunya jenayah. Oleh hal yang demikian, penduduk tempatan Pulau Pinang bersetuju bahawa isu warga asing ini akan memberi impak kepada keselamatan diri individu.

Berdasarkan jadual tersebut, bagi aspek keselamatan kawasan kediaman seramai 77 orang (51.3%), sangat bersetuju dan 60 orang (40%) penduduk tempatan bersetuju bahawa penempatan yang dibanjiri oleh warga asing memberikan suasana yang kurang selesa kepada penduduk kawasan kediaman tersebut. Hal ini demikian kerana, kes jenayah yang semakin meningkat disebabkan oleh warga asing ini sedikit sebanyak telah meresahkan penduduk di kawasan tersebut lebih-lebih lagi bagi pasangan yang mempunyai anak. Tambahan pula, dengan kemasukan warga asing yang ramai telah menyebabkan kawasan riadah dibanjiri dengan warga asing berbanding dengan penduduk tempatan (Raja Hisyam, 2021). Ibu bapa akan berasa takut untuk membawa anak bermain-main di kawasan tersebut kerana bimbang berlakunya perkara yang tidak diingini.

Di samping itu, kawasan kediaman yang dibanjiri warga asing ini juga menyebabkan berlakunya pencemaran. Pencemaran yang sering dilakukan oleh buruh asing adalah pencemaran bunyi dan pembuangan sampah merata-rata di sekitar kawasan perumahan yang secara tidak langsung telah mewujudkan suasana yang kurang selesa. Hal ini demikian kerana, sesetengah buruh asing dengan sesuka hati membuang sampah sehingga menyebabkan sistem perparitan dan longkang tersumbat. Sistem perparitan yang tersumbat ini turut menyebabkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dan menimbulkan pencemaran air serta bau yang kritikal (Ng

Kah Choon, 2016). Oleh hal itu, wujudnya suasana yang kurang selesa kepada penduduk tempatan yang tinggal di kawasan kediaman tersebut.

Bagi pernyataan berlakunya kes pecah rumah oleh warga asing menunjukkan bahawa seramai 77 orang (51.3%) setuju dan 36 orang (24%) sangat setuju dengan pernyataan diatas. Menurut Kementerian Dalam Negeri (2019), seramai 34 orang warga asing daripada pelbagai negara termasuk Filipina, Thailand, dan Indonesia ditahan disebabkan oleh isu jenayah yang dilakukan oleh mereka pada tahun tersebut. Menurut Mohd Saifoul et.al (2018), kemasukan pendatang asing ini telah meningkatkan kes jenayah di dalam negara dan salah satunya ialah kes pecah rumah dan kehilangan harta benda. Hal ini telah menjadi satu kebimbangan dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi apabila kebanyakan warga asing ini bekerja sebagai pengawal keselamatan di kawasan kediaman.

Seterusnya bagi aspek keselamatan kesihatan menunjukkan seramai 5 orang (3.3%) responden sangat tidak setuju, manakala 3 orang responden bersamaan 2% tidak setuju dan 28 orang responden bersamaan 18.7% tidak pasti bahawa kemasukan buruh asing mempengaruhi keselamatan kesihatan masyarakat tempatan seperti penyebaran wabak penyakit.t. Manakala seramai 58 orang (38.7%) bersetuju dan 56 orang (37.3%) sangat setuju bagi pernyataan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat buruh asing yang membawa wabak penyakit daripada negara asal sepertimana kes yang berlaku pada tahun 2021 iaitu virus Covid-19 yang telah mengancam kesihatan masyarakat. Hal ini telah dibukti dalam mengikut Laporan Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (2022) menyatakan virus ini turut merebak dengan cepat. Misalnya, di Pulau Pinang setakat 28 April 2022 seramai 277.000 orang telah dijangkiti virus ini dengan jumlah kematian 1,983 orang. Hal ini dikatakan demikian kerana, berpunca daripada persekitaran tempat kerja yang kurang sesuai dan ia sering terjadi kepada warga buruh asing kerana mereka kebanyakan mempunyai tempat tinggal yang sempit dengan penghuninya yang ramai. Justeru itu, buruh asing yang bekerja lebih-lebih lagi dalam bidang pembinaan dan perkilangan akan membawa wabak penyakit yang serius bagi masyarakat tempatan.

Bagi pernyataan segelintir warga asing yang memasuki negara tidak melakukan saringan kesihatan menunjukkan bahawa seramai 2 orang responden (1.3%) sangat tidak setuju, 3 orang responden (2%) tidak setuju dan 21 orang (14%) tidak pasti bagi pernyataan ini. Walau bagaimanapun, seramai 66 orang (44%) sangat setuju dan 58 orang responden (38.7%) setuju bahawa ada segelintir warga asing yang masuk ke dalam negara tanpa melakukan saringan kesihatan. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham (2022) berkata, kebanyakan penyakit berjangkit jenis malaria yang dikesan di Pulau Pinang ini berpunca daripada warga asing yang datang dari negara-negara Afrika. Hal ini dikatakan kerana, pihak majikan tidak melakukan saringan kesihatan sebelum membawa masuk pekerja dari negara Afrika tersebut. Menurut beliau, Pulau Pinang dilaporkan menghadapi masalah urban malaria berikutan dengan kebanjiran warga asing di pelbagai sektor ekonomi tanpa mengetahui status kesihatan mereka disebabkan oleh tidak melakukan saringan kesihatan. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2024), Malaria merupakan penyakit berjangkit disebabkan oleh parasit plasmodium. Penyakit ini berjangkit dengan individu lain melalui gigitan nyamuk yang mempunyai parasit tersebut. Penyakit Malaria ini sangat berbahaya dan boleh meragut nyawa kerana virus yang dijangkiti itu akan bergerak melalui salur darah dan terus hati. Tambahan pula, ia juga boleh menyebabkan sel darah merah pecah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, kemasukan warga asing terutamanya apabila tidak dilakukan saringan kesihatan secara tidak langsung akan mengancam kesihatan penduduk tempatan sehingga membawa kepada kematian.

Jadual 2. Persepsi masyarakat tempatan terhadap isu warga asing dari aspek keselamatan.

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
A) Keselamatan diri										
A1) Isu warga asing menyebabkan penduduk tempatan berasa takut untuk keluar rumah seorang diri.	-	-	14	9.3	22	14.7	71	47.3	43	28.7
A2) Kes jenayah oleh warga asing menyebabkan individu berasa trauma.	1	0.7	2	1.3	21	14	79	52.7	47	31.3

A3) Warga asing yang melakukan kes jenayah seperti meragut, merompak dan membunuh akan mengancam keselamatan individu.	-	-	1	0.7	9	6	65	43.3	75	50
B) Keselamatan kawasan kediaman										
B1) Berlakunya kes pecah rumah oleh warga asing.	-	-	3	2	34	22.7	77	51.3	36	24
B2) Kehadiran pengawal keselamatan warga asing memberi suasana yang kurang selamat.	2	1.3	12	8	32	21.3	69	46	35	23.3
B3) Penempatan yang dibanjiri oleh warga asing memberikan suasana yang kurang selesa kepada penduduk kawasan kediaman tersebut.	-	-	4	2.7	9	6	60	40	77	51.3
C) Keselamatan Kesihatan										
C1) Warga asing membawa virus penyakit berjangkit.	5	3.3	3	2	28	18.7	58	38.7	56	37.3
C2) Warga asing kebanyakannya berasal dari negara miskin dan mempunyai tahap kesihatan yang rendah	-	-	3	2	37	24.7	61	40.7	49	32.7
C3) Segelintir warga asing yang memasuki negara tidak melakukan saringan kesihatan.	2	1.3	3	2	21	14	58	38.7	66	44

3. Tindakan Pelbagai Pihak Dalam Membanteras Masalah Berpunca Dari Warga Asing

Selain dari persepsi kepada tiga aspek utama, kajian juga mengenalpasti tindakan yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak bagi membanteras isu mengenai warga asing. Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian. Berdasarkan Jadual 3, seramai 11 orang responden (7.3%) tidak pasti dengan pernyataan dimana individu seharusnya meningkatkan pengetahuan mereka mengenai isu buruh asing ini, manakala seramai 74 orang (49.3%) setuju dan 65 orang responden (43.3%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini dikatakan kerana, sekiranya individu mempunyai pengetahuan mengenai isu-isu yang berlaku disebabkan oleh warga asing ini ia secara tidak langsung dapat membantu mereka untuk mengelakkan diri daripada berada dalam situasi yang tidak diinginkan. Menurut Marhaniza (2021), sekiranya masyarakat dapat meningkatkan pengetahuan mereka mengenai impak kemasukan warga asing ini, ia juga dapat membantu mereka membuat keputusan yang cekap semasa berada dalam situasi yang tegang. Tambahan pula, dengan pengetahuan yang banyak mengenai warga asing ini secara tidak langsung dapat menjauhkan masyarakat daripada dimanipulasi oleh mereka. Oleh itu, ilmu pengetahuan mengenai warga asing perlu diterapkan dalam diri setiap individu.

Selain itu, individu juga perlu sentiasa menjaga keselamatan diri mereka dan memberitahu kepada ahli keluarga sekiranya hendak keluar. Bagi pernyataan ini seramai 55 orang (36.75) bersetuju dan 90 orang responden (60%) sangat bersetuju. Hal ini dikatakan demikian kerana, golongan belia pada zaman sekarang mudah terpengaruh dengan rakan sebaya lebih-lebih lagi apabila diajak keluar tanpa memaklumkan kepada ibu bapa menyebabkan ibu bapa tidak tahu keberadaan anak-anak. Tambahan pula, isu jenayah oleh warga asing ini bukan sahaja melibatkan kes pecah rumah mahupun merompak malah ia juga melibatkan kes pemerdagangan manusia. Menurut Mohd Bakri (2010), pemerdagangan orang merupakan salah satu aktiviti jenayah yang dapat memperoleh keuntungan dengan sangat pantas dengan keuntungan tahunan mencecah antara 5 hingga 42 billion dolar Amerika. Seperti yang kita sedia maklum, pekerja asing yang datang ke Malaysia ini bertujuan untuk mencari rezeki menyebabkan mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan jumlah wang yang banyak walaupun perbuatan yang dilakukan itu merupakan sebuah jenayah. Oleh hal yang demikian, individu khususnya golongan wanita seharusnya memaklumkan kepada ahli keluarga sekiranya hendak keluar agar ahli keluarga tahu dimana mereka berada dan mengambil langkah berjaga-jaga daripada situasi yang tidak diinginkan.

Bagi tindakan pihak kerajaan iaitu menguatkuasakan undang-undang berkaitan warga asing serta memperketatkan kawalan di sempadan negara menunjukkan bahawa seramai 40 orang responden (26.7%) setuju dan 102 orang responden (68%) sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Pihak kerajaan memainkan

peranan penting apabila ia melibatkan warga asing yang ingin masuk ke dalam negara. Hal ini demikian kerana, kemasukan warga asing perlu melalui jabatan imigresen dimana ia merupakan salah satu jabatan dibawah pihak kerajaan. Menurut Muhammad Afham (2020), pendatang asing tanpa izin (PATI) beri ancaman kepada negara. Hal ini kerana, warga asing yang masuk ke dalam negara terutama yang berstatus pelarian bertindak tidak mengendahkan undang-undang terutamanya di sempadan negara. Keadaan tersebut perlu diatasi oleh pihak kerajaan dengan melaksanakan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan sempadan negara tidak mudah dibolos oleh mereka dan ia secara tidak langsung akan meningkatkan penguasaan undang undang negara mengenai kemasukan warga asing.

Pihak kerajaan juga seharusnya membendung kemasukan warga asing secara haram dan memantau kedudukan warga asing yang telah tamat permit. Seramai 49 orang (32.7%) bersetuju dan 96 orang responden (64%) sangat bersetuju bagi pernyataan ini. Menurut Dr Mashitah (2024), isu PATI ini merupakan satu cabaran yang besar bagi semua pihak berkuasa lebih-lebih lagi apabila mereka berjaya meloloskan diri masuk ke dalam negara tanpa permit yang sah melalui laluan 'tikus' yang ada. Kemasukan warga asing tanpa permit ini membolehkan mereka melakukan jenayah secara berleluasa dan hal ini akan mengancam keselamatan masyarakat. Tambahan pula, operasi serbuan yang dilakukan akan meresahkan penduduk tempatan sekiranya isu ini tidak dapat dikawal. Oleh hal itu, bagi mengatasi kemasukan warga asing secara haram tanpa permit, ini kecakapan operasi penguatkuasaan ini perlu ditingkatkan bagi menjamin keselamatan negara dan masyarakat.

Di samping itu, majikan juga memainkan peranan yang penting kerana kemasukan warga asing ini bergantung kepada permintaan majikan. Bagi pernyataan majikan seharusnya mengutamakan penduduk tempatan, terdapat seramai 50 orang responden (33.3%) memilih setuju manakala seramai 95 orang (63.3%) memilih sangat setuju bagi pernyataan tersebut. Seperti yang kita sedia maklum, majikan lebih gemar mengambil warga asing bekerja daripada penduduk tempatan disebabkan oleh majikan boleh membayar upah yang murah jika dibandingkan dengan warga asing. Selain daripada itu, tanggapan bahawa pekerja asing lebih rajin dan komited juga menjadi salah satu sebab kenapa majikan lebih gemar untuk mengambil pekerja asing bekerja berbanding dengan pekerja tempatan terutamanya dalam sektor perkilangan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (2016), berkata tidak ramai rakyat Malaysia yang ingin bekerja dalam sektor 3D iaitu (dangerous, difficult dan dirty) jauh berbeza dengan buruh asing yang tidak memilih pekerjaan menyebabkan kebergantungan pihak majikan terhadap warga asing amat tinggi. Namun begitu, pihak majikan perlu memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk mengisi kekosongan pekerjaan yang ada dan hal ini secara tidak langsung dapat mengawal kemasukan buruh asing ke dalam negara. Misalnya, pihak majikan boleh menawarkan gaji yang setimpal dengan kerja yang diberikan. Hal ini mungkin akan dapat menarik minat penduduk tempatan untuk bekerja dalam sektor berikut. Oleh hal yang demikian, keselamatan rakyat akan terjamin dan membolehkan rakyat bekerja dalam suasana yang aman dan selamat.

Akhir sekali, bagi pernyataan majikan seharusnya bertanggungjawab terhadap buruh asing yang diambil bekerja bagi mengelakkan berlakunya masalah jenayah mencatatkan seramai 58 orang (38.7%) bersetuju dan 92 orang responden (61.3%) sangat bersetuju dengan pernyataan itu. Hal ini dikatakan kerana, ada sesetengah majikan tidak mengambil berat tentang para pekerjanya terutama warga asing menyebabkan mereka bebas melakukan apa apa sahaja termasuk mengancam keselamatan penduduk tempatan. Tambahan pula, ada juga majikan yang tidak menyediakan tempat tinggal menyebabkan mereka menyelip masuk ke kawasan kediaman penduduk tempatan. Apabila hal ini diketahui oleh pihak berkuasa, para majikan tidak bertanggungjawab dan melepas tangan seolah-olah mereka tidak mengenali warga asing tersebut. Menurut Hafiz Sohaimi (2016), tanpa pemantauan yang baik oleh majikan, pekerja asing akan terjebak dalam kancan gejala sosial yang akan memudaratkan keselamatan masyarakat. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, majikan seharusnya bertanggungjawab menyediakan kemudahan perumahan bagi memudahkan proses pemantauan pekerja asing sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya masalah perburuhan dan masalah sosial yang boleh melanggar undang-undang negara. Justeru, pengurusan pekerja yang lebih holistik perlu dilaksanakan oleh majikan yang gemar mengambil warga asing bekerja.

Jadual 3. Tindakan pihak yang terlibat dalam membanteras masalah yang berpunca daripada warga asing

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Individu										
A1) Meningkatkan pengetahuan mengenai isu buruh asing.	-	-	-	-	11	7.3	74	49.3	65	43.4
A2) Sentiasa menjaga keselamatan diri dan memberitahu kepada ahli keluarga sekiranya hendak keluar.	-	-	-	-	5	3.3	55	36.7	90	60
A3) Menjaga diri dan batas pergaulan semasa bergaul dengan warga asing.	-	-	1	0.7	1	0.7	61	40.7	87	58
Kerajaan										
B1) Menguatkuasakan undang-undang berkaitan warga asing serta memperketatkan kawalan di sempadan negara.	-	-	-	-	8	5.3	40	26.7	102	68
B2) Membendung kemasukan warga asing secara haram dan memantau kedudukan warga asing yang telah tamat permit.	-	-	-	-	5	3.3	49	32.7	96	64
B3) Mengadakan kempen kesedaran kepada penduduk tempatan mengenai isu warga asing.	1	0.7	-	-	6	4	44	29.3	99	66
Majikan										
C1) Majikan perlu mengurangkan pengambilan buruh asing.	2	1.3	3	2	17	11.3	58	38.7	70	46.7
C2) Majikan seharusnya mengutamakan penduduk tempatan.	-	-	-	-	5	3.3	50	33.3	95	63.3
C3) Majikan seharusnya bertanggungjawab terhadap buruh asing yang diambil bekerja bagi mengelakkan berlakunya masalah jenayah	-	-	-	-	-	-	58	38.7	92	61.3

Kesimpulan

Hasil kajian mendapati, kedatangan pekerja asing ke dalam negara jika dilihat dari sudut positif ia dapat menampung kekurangan tenaga kerja dalam negara disebabkan oleh sikap masyarakat tempatan yang memilih pekerjaan. Kekosongan tenaga kerja yang diisi oleh warga asing ini secara tidak langsung akan meningkatkan ekonomi negara dari segi pelaburan. Hal ini adalah kerana, kerajaan kekurangan tenaga buruh tempatan bagi mempercepatkan projek pembangunan seperti infrastruktur dan lain-lain, maka pihak kerajaan telah mengambil tenaga buruh asing dari Indonesia, Filipina, Bangladesh dan Myanmar bagi memajukan pembangunan tersebut. Oleh itu, dengan adanya buruh asing ini, ia dapat mempercepatkan proses pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, sekiranya kemasukan warga asing tidak dikawal akan menyebabkan berlakunya lambakan di samping peluang pekerjaan yang sedikit. Hal ini menyebabkan mereka yang tidak mendapat pekerjaan akan melakukan apa sahaja termasuk jenayah demi meneruskan kelangsungan hidup di negara orang dan secara tidak langsung akan membahayakan keselamatan penduduk tempatan. Kemiskinan dan kegawatan ekonomi yang dialami mereka telah mendorong mereka untuk melakukan jenayah seperti merompak, ancaman pembunuhan, mengedar dadah dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, pelbagai pihak seharusnya berganding bahu berusaha menyelesaikan isu warga asing ini bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat.

Antara cadangan yang boleh dilakukan oleh pihak yang terlibat adalah dengan menyiarkan info mengenai kes jenayah yang berpunca oleh warga asing di pelbagai platform media massa. Hal ini dikatakan kerana, seiring dengan kemajuan teknologi masyarakat lebih gemar menggunakan telefon pintar berbanding

membaca akbar. Iklan-iklan yang dipaparkan oleh media sosial ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada penduduk tempatan tentang kesan kemasukan warga asing ke dalam negara. Selain itu, masyarakat dan pihak berkuasa boleh bekerjasama dalam membanteras jenayah yang disebabkan oleh warga asing, misalnya individu atau masyarakat hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa mengenai lokasi jenayah warga asing, maka pihak berkuasa dapat mengambil tindakan secepatnya. Dengan adanya kerjasama ini, ia akan memudahkan pihak berkuasa dalam mengesan lokasi-lokasi yang sering dijadikan lubuk jenayah oleh warga asing.

Justeru itu, isu kebanjiran buruh asing ini akan tetap berlaku dan menjadi sebahagian norma dalam kehidupan masyarakat tempatan di Pulau Pinang, maka, tidak kira peranan kerajaan mahupun masyarakat perlulah saling berganding bahu untuk mengatasi segala masalah dengan adanya jalan penyelesaian yang efisien.

Penghargaan: Ditujukan kepada semua penulis dan pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan artikel ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan diberikan oleh semua pihak bagi menjayakan penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan dalam kajian ini,

Rujukan

- Abd Mutalib, Z. (2020). Penempatan khas: Majikan disaran capai persetujuan bersama pekerja asing. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my>
- Abdul Aziz, A. N. & Saad, S. (2022). Faktor Kebergantungan Industri Terhadap Pekerja Asing di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(7).
- Abdul Aziz, M. & Mohamad, H. F. (2021, Januari 31). *Dasar Kerajaan Pulihkan Ekonomi Negara Diyakini*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021>
- Ahmad, Z., Md Darit, S., Ngah, T. K. & Mustaffa, J. (2015). Isu dan Masalah Pendatang Asing Tanpa Izin dalam Aspek Keselamatan Awam di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan*
- Aina, Q. (2023, Disember 27). MTUC Desak Kerajaan Siasat Dalang Pemerdagangan Pekerja Asing. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/641538/berita/nasional/mtuc-desak-kerajaan-siasat-dalang-pemerdagangan-pekerja-asing>
- Aminnuraliff, M. (2023, September 12). Polis Sahkan Motosikal Ditunggang Warga Asing Milik Anggota PDRM. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/278649>
- Che Hashim Hassan. (2009). Buruh Asing di Malaysia: Trend, kaedah, kesan, masalah dan cara mengatasinya
- Daud, R. (2023, Januari 23). Program Rekalibrasi Tenaga Kerja Dilanjut hingga Hujung 2023. *Astro Awani*, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/>
- Farhan E. & Imang, U. (2020). Kesejahteraan Sosial Masyarakat Bandar di Kawasan Perumahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), 181–192
- Hafiz Sohaimi. (2016). *Ambil Pekerja Asing: Majikan Harus Bertanggungjawab*. BH Online, 20 Februari. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/02/126285>
- Hamidi, M. (2024). *Perkukuh Penguatkuasaan, Akta Dan Pemantauan Tangani Lambakan Warga Asing*. Bernama, 13 Februari. <https://www.bernama.com/bm/bfokus/news>
- Hui, L. C. & Chin, Y. W. (2022). Persekitaran Sosial dan Strategi untuk Mengekalkan Kesihatan dalam Kalangan Pekerja Asing Sepanjang Pandemik Covid-19. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(7).
- Kementerian Dalam Negeri. (2019). *Penerbitan Statistik*. <https://www.moha.gov.my/images>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2022, April 28). *Kemaskini Negeri COVID-19 di Malaysia*. <https://covid-19.moh.gov.my/terkini-negeri/2022/04/>

- Majlis Keselamatan Negara (2022, April 24). *Pendatang Asing Tanpa Izin (Pati): "Sigai Dua Segeragai" Berdasarkan Dasar Keselamatan Negara: Elemen Keselamatan Menyeluruh*. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/04/24/pendatang-asingtanpa-izin-pati>
- Md Nor, N., Halim, H., Johar, S. S. & Razali, N. A. (2023). Isu Kemasukan Pekerja Asing Terhadap Kesejahteraan Hidup Masyarakat Malaysia. *Human Sustainability Procedia*, 3, 2, 11-15
- Ramli, M. A. (2020, September 5). PATI beri Ancaman kepada Negara. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/99740/berita/jenayah/pati-beri-ancaman-kepada-negara>
- Razlan, M. D. F., Hamzah, I. S., Ramli, M. R. & Triyanto, S. H. (2023). Isu Pekerja Asing di Malaysia pada Era COVID-19: Kajian Kes Tahun 2020-2021. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 38-49
- Sahdan, Z., Ali, N., & Idrus, S. (2013). Topophobia Wanita Dan Hubungannya Dengan Kejadian Jenayah di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(2), 93-110
- Sanusi, R. M. (2021, Mei 24). *Kerajaan Pertingkat Penguatkuasaan Di Sempadan Negara*. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/140272/berita/nasional/kerajaan>
- Saravanan, M. (2022, Oktober 12). Ambil Kira Kesan Negatif Sebelum Lulus Kemasukan Pekerja Asing. *BH Online*. <https://api.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022>
- Sofi, N. R. N. M., Wee, S. T., Chen, G. K. & Masrom, M. A. N. (2023). Keberkesanan Penggunaan Garis Panduan Penyediaan Penginapan Pekerja Asing Dalam Sektor Pembinaan. *Research in Management of Technology and Business*, 4, (2), 337-351